



SEKOLAH PERNIAGAAN ANTARABANGSA AZMAN HASHIM (AHIBS)

UKQE/UKQT 3001 SECTION 04

EXTRA-CURRICULAR EXPERIENTIAL LEARNING (ExCEL)

SEMESTER II SESSION 2020/2021

ASSIGNMENT 1 : INDIVIDUAL ASSIGNMENT

REFLECTION 2 : PUSAT JAGAN WARGA EMAS NUR EHSAN

NAME : WAN NAZIHAN BINTI SILAH

MATRIC.NO : B19BS0018

LECTURER NAME : DR SYAHARIZATUL NOORIZWAN MUKTAR

REPORT

Projek ini dilakukan dan diatur oleh pensyarah bagi subjek 'Graduate Success Attribute' pada tahun 2019. Projek ini dijalankan oleh di Pusat Jagaan Warga Emas Nur Ehsan di Kempas, Johor Bahru. Projek ini melibatkan seramai 11 orang pelajar kerana setiap pelajar akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan kumpulan kami telah memilih untuk melakukan projek ini dengan memberikan perkhidmatan kepada warga tua Pusat Jagaan Warga Emas Nur Ehsan. Kami menjalankan projek ini daripada pukul 8 pagi sehingga 1 tengahari.

Antara aktiviti yang dilakukan ialah pada waktu pagi dimulakan dengan sesi suai kenal antara pekerja serta warga emas di pusat jagaan tersebut. Pekerja di pusat jagaan tersebut memberikan ucapan pendahuluan tentang pengurusan di pusat tersebut dan memperkenalkan kepada kami situasi persekitaran di situ. Pusat jagaan ini terdapat warga tua wanita dan lelaki. Warga emas di situ akan dibangunkan daripada tidur mereka sekitar jam 5 hingga 6 pagi untuk pekerja di situ membersihkan diri warga emas dan menyusun tempat tidur mereka semula agar kelihatan kemas. Selepas mandi, warga emas akan dibawa keluar ke satu ruang yang mana warga emas dapat menghirup udara segar pada waktu pagi sambil pekerja di situ akan membuka alunan suci Al-Quran, zikir, ceramah berkenaan agama Islam kerana rata-rata penghuni di situ adalah beragama Islam.

Pada jam 8 pagi, warga emas akan diberikan sarapan dan diberikan ubat yang sepatutnya individu itu makan berdasarkan penyakit yang mereka hadapi. Selepas sarapan, warga emas bebas untuk melakukan apa sahaja aktiviti yang mereka sukai seperti menonton televisyen, membaca, kerana masa yang diberikan adalah bebas antara jam 9 pagi sehingga 12 tengahari sebelum mereka perlu menjamu selera untuk makan makanan tengahari.

Bermula pada jam 9 pagi pula kami telah menjalankan tugas yang telah dibahagikan mengikut tugas masing-masing. Antara aktiviti yang kami lakukan adalah seperti pelajar perempuan akan membersihkan ruang tidur warga emas dengan membersihkan kipas angin, membersihkan tingkap, mengemas cadar pada katil, mengemop lantai bilik, menyapu sampah di dalam bilik. Manakala pelajar lelaki pula akan membersihkan di sekitar kawasan luar di pusat jagaan seperti memotong pokok yang sudah mati, menyapu sampah. Selain itu, ada beberapa orang pelajar perempuan ditugaskan untuk menceriakan warga emas di situ untuk memberi mereka lebih bersemangat dan ceria seperti berbual dengan mereka, memotong kuku, bercerita dengan warga emas. Kami melakukan tugas ini sehingga sebelum waktu makan tengahari mereka.

Pada waktu makan tengahari, kami menyuapkan mereka makanan dan mereka kelihatan sangat gembira. Selepas waktu makan tengahari, kami telah menyediakan beberapa aktiviti untuk menghilangkan kebosanan mereka. Contoh aktiviti yang dilakukan ialah meletakkan kekacang kering menggunakan gam di atas lukisan dan melukis lukisan secara bebas dengan menggunakan warna air. Warga emas ini akan diberikan tidur seketika pada waktu tengahari untuk mengelakkan mereka kepenatan dan faktor lain adalah disebabkan usia mereka.

Sebelum warga emas masuk ke dalam bilik untuk tidur seketika pada waktu tengahari, kami telah mengadakan majlis penutupan secara sederhana seperti penyampaian hamper, bergambar bersama semua staf dan warga emas di pusat jagaan. Pengurus pusat jagaan di situ telah memberikan kami sekeping sijil penghargaan atas kesudian kami untuk menjalankan khidmat masyarakat dan memilih pusat jagaan ini untuk menjalankan projek ini.

RESPOND

Melalui projek ke rumah warga emas ini dapat memberi impak positif dalam diri saya. Secara tidak langsung dapat melahirkan nilai murni dalam diri saya. Perasaan tanggungjawab dan keperimanan hendaklah diterapkan dalam diri kita agar tidak ada orang di sekeliling kita yang masih merasai hidup teraniaya. Warga emas yang berada di sana bukanlah berkeinginan untuk dihantarkan ke rumah warga emas ini malah di sebalik ketenangan, keselesaan dan keseronokkan mereka di sana, mereka simpan 1001 kisah pahit dalam hidup tetapi mereka masih kuat untuk mengharungi hari yang akan datang.

Warga emas yang berada di sana tidak mengharap apa yang diberi kepada anak-anak mereka akan dapat kembali apabila sudah tua, tetapi mereka hanya perlukan kasih sayang dan terus dihargai hingga ke hujung nyawa. Pelbagai kisah suka dan duka yang mereka kongsi kepada saya, saya turut bersimpati dan turut bersedih. Ada di antara mereka yang berada di rumah warga emas bukan kerana silap mereka yang dahulu tetapi ada segelintir mereka dihantarkan ke sini disebabkan sikap anak sendiri, dengan tidak mahu menjaga dan kesibukan anak yang bekerja. Oleh sebab itu, betapa pentingnya jika kita menerapkan sifat mahmudah dalam diri serta mempunyai pegangan agama yang kukuh. Ia dapat mengurangkan perkara negatif dalam hidup saya setelah mempunyai pengalaman yang memberi pengajaran ini.

Melalui projek ke rumah warga emas ini amat membuka mata saya serta rakan yang lain tentang perjalanan kehidupan seharian warga emas di pusat jagaan ini. Ia mendedahkannya kepada kami secara mendalam tentang aktiviti yang dilakukan, makanan yang disediakan, pengurusan seharian sepanjang satu hari di pusat jagaan ini. Saya melihat raut wajah mereka kelihatan sentiasa senyum dan berseorok berada di sana kerana segala aktiviti yang dilakukan semuanya saling bekerjasama dan menyeronokkan.

Walaupun ada di antara mereka yang umurnya sebaya, ada yang lebih tua, ada juga yang lebih muda tetapi mereka sentiasa rasa serba cukup kerana setiap saat mereka dijaga oleh penjaga pusat penjagaan warga emas tanpa menghiraukan tentang keselamatan mereka. Pengalaman duduk dan borak dengan mereka tiada istilah buang masa saya malah ia memberi impak yang besar dalam hidup saya untuk terus berdikari walau dihina, dicaci berkali-kali. Titipkan doa buat orang yang tidak pernah henti mendidik dan menjaga kita. Percayalah walau siapapun yang hadir di rumah warga emas itu mereka pasti gembira kerana mereka selalu mengharapkan anak mereka datang menjenguk tetapi hakikatnya saya datang untuk membantu serba sedikit walaupun bukan hari-hari. Layanan warga emas di sana tersangatlah baik dan sangat mesra sepertimana layanan mereka apabila bersama anak kandung sendiri. Sewaktu saya menghulurkan bantuan, mereka senyum sentiasa dan tidak henti mengucap terima kasih sehingga saya berangkat pulang dari rumah warga emas itu.

Saya sebagai seorang pelajar perlulah belajar bersungguh-sungguh dan berjaya pada masa hadapan agar dapat membalas jasa ibubapa pada masa hadapan dan menggemirakan mereka.

RELATE

Ibu bapa merupakan individu yang amat bermakna dalam kehidupan seseorang individu itu. Setiap individu mempunyai jalan cerita kehidupan yang berbeza. Saya amat bersyukur kerana masih mempunyai kedua ibubapa yang masih hidup sehingga kini. Ada individu yang kehilangan ibu atau bapa dalam kehidupan mereka. Saya berasa amat bertuah kerana masih diberikan kesempatan bersama ibubapa, saya akan menggunakan peluang ini untuk membalas jasa dan berkhidmat untuk mereka.

Seperti yang kita dapat lihat dengan situasi keadaan dunia kini yang dilanda fenomena pandemik Covid-19. Setelah kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengelak wabak ini daripada terus menular, rakyat tidak dibenarkan untuk merentas negeri kecuali bagi hal yang melibatkan kematian, kecemasan dan pasangan jarak jauh. Tindakan kerajaan untuk melaksanakan PKP ini telah mengambil masa beberapa bulan kerana ia dilaksanakan berdasarkan keadaan semasa Covid-19. Sebagai contoh, ada individu yang bekerja di perantauan untuk mencari rezeki terpaksa berjauhan dengan ibubapa, isteri dan anak-anak.

Bagi individu yang berjauhan dengan ibubapa akan merasakan tahap kerinduan yang tinggi kerana sudah lama tidak berjumpa mereka. Saya juga bimbang kepada ibubapa yang duduk di rumah sendirian tanpa kawalan daripada anak-anak yang lain. Seperti kita semua ketahui ibubapa yang usia mereka semakin meningkat naik ini selalunya akan menghadapi beberapa penyakit yang perlu mendapat pantauan daripada ahli keluarga, dengan ini juga ia meningkatkan lagi tahap kebimbangan seseorang anak itu terhadap kesihatan ibubapa mereka di rumah. Hal ini, amat membimbangkan saya sekiranya secara tiba-tiba orang tua mereka jatuh sakit sendirian di rumah tanpa diketahui dan dipantau oleh sesiapa pun.

Hal ini amat membimbangkan saya, kerana seseorang individu itu pasti merasakan amat kecewa kerana tidak dapat berjasa dan berbakti dalam waktu ibubapa mereka sedang sakit mahupun dalam keadaan yang sukar.

Saya amat bersyukur kerana dikurniakan seorang ibu yang amat kuat dan tabah kerana telah membesarkan kami adik-beradik seramai lima orang selama ini sejak kami semua kecil lagi sehingga kini. Bapa saya pula seorang yang gigih dan kuat bekerja demi mencari rezeki untuk menyara seluruh keluarga iaitu tanggungan seramai 6 orang.

Saya pernah berpengalaman dan berhadapan dengan situasi dimana ibu saya pernah jatuh dan kakinya telah disahkan patah dan tempoh rawatannya mengambil masa untuk sembuh dengan baik adalah selama enam bulan. Selain itu, perkara yang amat menyedihkan hati saya lagi sebagai seorang anak adalah apabila dalam masa yang sama ayah saya juga telah jatuh tergelincir semasa menuruni tangga dan kaki ayah saya telah mengalami keretakan di buku lali kaki dan terpaksa bertongkat dan berbalut pada kakinya selama 4 hingga 5 bulan semasa tempoh rawatan bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Saya berasa amat bersyukur walaupun dalam masa yang sama saya juga bersedih kerana dalam keadaan ibubapa saya diuji kesakitan ini, saya sebagai anak diberikan peluang untuk menjaga serta membantu mereka ketika memerlukan sebarang pertolongan ketika ibubapa saya sakit. Seperti yang kita tahu Allah tidak akan menguji seseorang hamba itu melainkan hambanya sendiri dapat memikulnya. Saya berasa amat bersyukur kerana diberi peluang untuk menjaga ibubapa saya ketika mereka dalam kesakitan.

REASON

Ibu merupakan seorang insan yang berharga seperti sebuah permata. Saya merasakan bahawa semua anak perlulah membalas jasa ibubapa mereka tidak kira dalam keadaan senang mahupun susah. Ibu merupakan seorang insan yang telah mengandungkan kita sebagai seorang anak selama 9 bulan 10 hari dan telah bersusah payah melahirkan kita dengan penuh kesakitan. Ibu merupakan orang yang berjasa dan telah banyak berkorban dalam kehidupan kita semua termasuk saya.

Saya merasakan bahawa pengorbanan dalam kehidupan seseorang telah memberi makna yang amat besar. Ibubapa telah melakukan banyak pengorbanan demi membesarkan kita. Ibubapa telah mengorbankan masa mereka demi membesarkan anak-anak, sebagai contoh walaupun ibubapa saya sibuk dan penat bekerja pada siang hari tetapi pada waktu malam setelah pulang dari bekerja mereka akan bertanya apa yang saya lakukan pada siang hari, adakah semua berjalan lancar, adakah saya mempunyai sebarang masalah dan mengambil tahu perkembangan anak-anak mereka. Saya sebagai seorang anak perlulah menghargai setiap masa yang ibubapa luangkan kepada saya.

Selain itu, ibubapa saya juga telah banyak berkorbankan wang ringgit demi kami adik beradik. Sekiranya anak inginkan sesuatu ibubapa pasti akan usahakannya demi memenuhi keinginan anak-anak. Sebagai contoh, keinginan ibubapa sanggup tidak dipenuhi kerana ingin memenuhi keinginan anak-anak mereka terlebih dahulu.

Disamping itu, ibubapa mengorbankan perasaan ego mereka terhadap kita. Walaupun ada anak-anak yang telah melukakan hati serta mengecewakannya tetapi mereka sebagai ibubapa tidak pernah mengambil hati. Ibubapa tidak boleh berputus asa atas kesilapan,kesalahan serta kegagalan adalah langkah yang peting untuk mendidik anak menjadi

dewasa. Sebagai seorang anak saya berazam untuk tidak menghantar kedua ibubapa saya ke pusat jagaan warga emas atau lebih dikenali adalah sebagai rumah orang tua.

Walaupun saya bekerja dan sibuk kelak, saya akan mencari masa walaupun sedikit untuk diluangkan masa bersama ibubapa. Ibubapa akan berasa gembira jika anak-anak mereka meluangkan masa bersama.

Ada segelintir anak tidak mempedulikan ibubapa mereka dimana mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang anak dengan tidak mengambil berat tentang kesihatan mereka, menghantar mereka ke rumah orang tua dan selainnya. Tindakan tersebut tidak sewajarnya dilakukan oleh seorang insan yang bergelar anak. Bagi orang yang tidak mengenali anaknya, ia akan beranggapan bahawa tindakan tersebut adalah zalim. Jangan kerana terlalu ikutkan nafsu amarah, kebahagiaan binasa.

Bagi orang Islam, anak yang tidak menjaga ibubapa mereka dengan baik akan mendapat balasan kelak. Selain itu, anak yang menjaga ibubapa mereka dengan baik pula akan mendapat balasan syurga dan hidup akan diberkati oleh Allah.

Anak yang menjaga ibubapanya dengan baik sewaktu muda, maka anak mereka juga akan menjaga dan berjasa dengan mereka pada waktu tua seperti mana tindakannya terhadap ibubapanya pada masa dahulu.

RECONSTRUCT

Seperti yang saya dapat lihat, ibubapa sebenarnya mahukan anak mereka berjaya menjalani kehidupan di dunia dan di akhirat dan berharap anak dapat menghormati mereka kini dan apabila mereka sudah tuan nanti. Sebagai yang kita mengetahui dalam Islam telah dinyatakan, redha Allah itu terletak pada redha ibubapa kita, jadi saya sebagai seorang anak perlulah meminta redha daripada ibubapa dalam setiap perkara yang saya lakukan dalam kehidupan ini.

Sebagai seorang anak saya perlulah mengucapkan terima kasih kepada ibubapa saya, untuk setiap titisan air susu yang mengalir dalam darah saya, tanpa mereka, saya tidak pernah mampu untuk menghirup udara kehidupan di dunia ini, terima kasih kerana selalu menyayangi saya tidak kira apa jua yang berlaku.

Ibubapa merupakan contoh teladan dan menunjukkan sikap yang baik dalam membentuk anak-anak menjadi seorang insan yang berjaya. Ibubapa telah berkorban banyak perkara dalam hidup mereka demi membesarkan anak.

Saya sebagai pelajar juga mempunyai rakan yang mana mereka tidak gemar pulang ke rumah apabila sudah berada di universiti untuk meneruskan pengajian pada semester seterusnya. Rakan saya tersebut akan pulang ke rumah apabila tiba cuti pada pengakhiran bagi setiap semester sahaja. Ada beberapa faktor yang menyebabkan rakan saya itu kurang gemar untuk pulang ke rumah mereka adalah kerana hubungan dengan ahli keluarga antara satu sama lain tidak begitu rapat, sering wujudnya pertelingkahan dan salah faham. Saya amat khuatir dengan sikap sebegini kerana ia akan memberi impak kepada sikap seseorang dan masa depannya kepada ibu bapa mereka kelak. Sebagai seorang anak, saya mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap kedua ibubapa saya.

Saya sebagai seorang anak perlulah sentiasa menghargai setiap pengorbanan yang telah ibubapa saya lakukan demi menjaga adik beradik seramai lima orang. Bagi ibubapa yang mempunyai anak yang ramai, proses penjagaan anak amatlah mencabar daripada segi mental dan fizikal. Sebagai contoh, melalui pengalaman yang saya telah harungi dimana ibubapa saya pernah mambesarkan kami lima beradik dengan sumber kewangan yang tidak mencukupi dan kami sekeluarga terpaksa berjimat cermat dalam semua hal dan sumber demi menampung keperluan hidup kami yang lain.

Saya sebagai seorang anak menyeru semua orang diluar sana agar sentiasa melindungi, menyayangi dan menjaga kedua ibubapa kita walau apa jua keadaan sama ada dalam keadaan susah mahupun senang. Walaupun kita sebagai anak sibuk dengan hal seharian dan kerja masing-masing tetapi kita perlulah mencari sedikit masa untuk diluangkan bersama ibubapa. Dalam Islam walaupun seorang anak lelaki itu sudah berkahwin tetapi dia juga masih mempunyai tanggungjawab terhadap ibubapa terutama ibunya.

Sebagai seorang anak, saya juga boleh meraikan dan mengembirakan hati ibubapa dengan melakukan beberapa cara seperti menyambut hari kelahiran mereka, Hari Ibu, Hari Bapa, mengadakan hari keluarga dan membawa mereka melancong ke tempat kegemaran mereka. Saya sebagai seorang anak perlulah sentiasa mendoakan kesejahteraan dan memohon kerahmatan daripada Allah untuk ibubapa saya.

Saya sebagai anak sewajarnya mengenang jasa mereka yang telah banyak berjasa dalam membesarkan, mendidik dan menjaga saya sejak kecil hinggalah dewasa tanpa sebarang alasan. Menghargai sesuatu perkara yang dilakukan oleh mereka walaupun tindakannya hanya sebesar biji sawi sekalipun tetap dikira sebagai jasa. Hasil titik peluh yang saya lakukan ini adalah untuk kebahagiaan mereka yang mana ia juga merupakan sebahagian daripada usaha.

APPENDICES



